



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**POLISI
SYARIKAT HILIRAN (*SPIN-OFF*)
DAN SYARIKAT TERBITAN (*START-UP*)
UMK**

1. PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Sebagai sebuah Universiti Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan telah membuat ketetapan bahawa seluruh sistem, sama ada staf akademik atau bukan akademik digalakkan untuk menjayakan aktiviti perniagaan semasa berada di kampus. Walau bagaimanapun, aktiviti perniagaan ini haruslah dijalankan secara tersusun dan terancang dengan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh Universiti dan Undang-Undang Negara. Strategi untuk membenarkan seseorang staf terlibat dalam perniagaan adalah merupakan salah satu agenda dalam kemampuan kewangan yang juga akan melengkapi ekosistem keusahawanan Universiti.

Staf UMK adalah dibenarkan menubuhkan syarikat hilir atau/dan syarikat terbitan dalam bentuk syarikat persendirian seperti yang termaktub di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777), dan tertakluk kepada syarat-syarat dalam Peraturan-Peraturan Tata tertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) iaitu:

Pekerjaan luar

- (1) Melainkan jika dan setakat yang dia dikehendaki atau dibenarkan untuk berbuat demikian dalam perjalanan tugasnya sebagai seorang pegawai badan berkanun, seseorang pegawai tidak boleh
 - (a) mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau urusan apa-apa perusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;
 - (b) mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja dengan manamana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian;
 - (c) sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan dibayar upah.
- (2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang pegawai boleh, dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatannya, menjalankan mana-mana aktiviti atau melaksanakan mana-mana perkhidmatan yang dinyatakan dalam subperaturan itu, sama ada bagi faedahnya atau bagi faedah saudara-maranya yang dekat atau mana-mana badan tidak mencari keuntungan yang baginya dia menjadi seorang pemegang jawatan.

1.2 TUJUAN

Tujuan polisi ini adalah untuk memberikan panduan kepada staf UMK berkenaan penglibatan staf dalam proses penubuhan, pelaksanaan dan pengurusan syarikat hiliran dan syarikat terbitan UMK. Polisi ini menunjukkan bahawa Universiti menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan staf UMK, namun pada masa yang sama mereka perlu bergerak selari dengan pematuhan peraturan Universiti.

1.3 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua staf UMK termasuk staf akademik dan staf bukan akademik yang berstatus lantikan tetap atau kontrak.

1.4 DEFINISI

Perkataan / Istilah / Singkatan	Definisi
Syarikat hiliran	Syarikat hiliran merujuk kepada syarikat yang ditubuhkan oleh staf UMK dan yang mengeksploitasi harta intelek dan kepakaran UMK dengan kelulusan Universiti.
Syarikat terbitan	Syarikat terbitan merujuk kepada syarikat yang ditubuhkan oleh staf UMK dan yang tidak mengeksploitasi harta intelek UMK dengan kelulusan Universiti.
PTJ	PTJ di UMK iaitu fakulti, pusat, akademi dan institut yang ditetapkan bagi UMK.
Ekuiti	Pegangan saham atau syer yang dimiliki di dalam syarikat hiliran dan terbitan.
Staf Akademik	Staf UMK yang dilantik dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti
Staf Bukan Akademik	Staf UMK yang dilantik dalam skim perkhidmatan selain daripada Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti
Harta Intelek (IP)	Harta Intelek (IP) adalah istilah yang merujuk kepada apa – apa karya, ciptaan, rekaan yang layak mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang harta intelek yang terbahagi kepada undang-undang paten (patent), pembaharuan utiliti (utility innovation), rekabentuk industri (industrial design), cap dagangan (trademark), hakcipta (copyright), rahsia perdagangan (trade secret), dan undang-undang lain yang berkaitan.
Bahagian Komersialan Dan Harta Intelek (ICD)	ICD ialah Bahagian Komersialan Dan Harta Intelek, Universiti Malaysia Kelantan, untuk menguruskan pengkomersialan harta intelek UMK
Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)	JPU ialah satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Seksyen 23 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan, Akta Universiti yang berperanan menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya.

Universiti	Universiti Malaysia Kelantan
Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan sekurang-kurangnya 2 orang diperlukan bagi menajanya (terhad kepada 50 orang sahaja). Ia wajib mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 1965. Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai sifat-sifat seperti seorang manusia iaitu, mempunyai namanya sendiri, boleh didakwa atau mendakwa atas namanya sendiri di mahkamah, mempunyai alamat yang tertentu, mempunyai aset atas namanya sendiri, tertubuhnya bersepanjang sehingga tindakan diambil bagi membubarkannya, (<i>perpetual seccession</i>) walaupun ada di antara ahli-ahlinya yang meninggal dunia.
Syarikat Perkongsian Liabiliti Terhad	Perkongsian Liabiliti Terhad ialah satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri-ciri syarikat persendirian dan perkongsian konvensional. Ia memberikan status liabiliti terhad kepada pekongsinya dan menawarkan fleksibiliti peraturan dalaman melalui perjanjian di antara pekongsi.
Syarikat Tunggal	Merupakan perniagaan yang dimiliki oleh seorang pemilik di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. Nama syarikat atau perniagaannya juga digunakan atas nama persendirian atau pemilik itu sendiri.
Syarikat Perkongsian	Perkongsian ialah satu bentuk perniagaan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang hingga dua puluh orang. Ahli-ahli perkongsian akan membuat satu perjanjian yang dinamakan ikatan perkongsian. Sekiranya tiada perjanjian dibuat, segala perselisihan akan diselesaikan menurut Akta Perkongsian. Terdapat 2 jenis rakan kongsi, iaitu rakan kongsi biasa dan rakan kongsi berhad.
UMKBV	Anak syarikat Universiti Malaysia Kelantan iaitu UMK Business Venture

1.5 KONTEKS PERUNDANGAN DAN RUJUKAN

- 1.5.1 Perlembagaan UMK
- 1.5.2 Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-Badan Berkanun, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- 1.5.3 Pekeliling Pentadbiran bil 12/2007
- 1.5.4 Pekeliling Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2002: Pemilikan dan Pengisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam
- 1.5.5 Kod Etika UMK
- 1.5.6 Polisi Pelaburan UMK
- 1.5.7 Garis Panduan Pelaburan UMK
- 1.5.8 Garis Panduan Penjanaan Pendapatan UMK
- 1.5.9 Garis Panduan Perniagaan dalam Kalangan Staf UMK

2. POLISI

2.1 PRINSIP

- 211 Universiti Malaysia Kelantan komited dalam menggalakkan pembudayaan keusahawanan.
- 212 Penjanaan pendapatan kepada UMK melalui sumbangan syarikat hiliran dan syarikat terbitan yang ditubuhkan oleh staf UMK dengan kelulusan Universiti.
- 213 Harta intelek dan kepakaran UMK perlu dikomersialkan melalui syarikat hiliran bagi memastikan manfaat kepada universiti dan masyarakat.
- 214 Pengkomersialan yang tidak menggunakan harta intelek UMK perlu melalui syarikat terbitan bagi memastikan membawa manfaat kepada semua pihak.

2.2 PENYATAAN POLISI

- 221 Polisi ini perlu dibaca bersama Garis Panduan Penubuhan dan Pemantauan Syarikat Hiliran dan Syarikat Terbitan UMK dan segala dokumen pekeliling perundangan terkini yang digunakan dalam semua rujukan tersebut.
- 222 Penubuhan syarikat hiliran dan syarikat terbitan bermaksud sesebuah syarikat (mengikut Akta Syarikat 2016) yang ditubuhkan bagi mengeksploitasi harta intelek *Intellectual Property (IP)* milik UMK (bagi syarikat hiliran) yang dianggotai oleh staf UMK yang mempunyai pegangan saham dalam syarikat tersebut.
- 223 Bagi syarikat hiliran, dua jenis perniagaan yang berdaftar melalui Akta Syarikat 2016 (Akta 777) dibenarkan untuk menjadi syarikat UMK iaitu:
 - i. Syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd)
 - ii. Syarikat Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

Manakala bagi syarikat terbitan, empat jenis perniagaan yang berdaftar dibenarkan iaitu:

 - i. Syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd)
 - ii. Syarikat Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)
 - iii. Perniagaan Tunggal
 - iv. Perniagaan Perkongsian
- 224 Pengurusan pemantauan syarikat hiliran dan syarikat terbitan UMK bermaksud segala proses bermula daripada permohonan penubuhan syarikat UMK, permohonan pemilikan saham, permohonan pekerjaan luar (untuk aktiviti syarikat), pelesenan teknologi (untuk syarikat hiliran sahaja) seterusnya proses pemantauan aktiviti pengkomersialan, pelaporan perkembangan syarikat, tuntutan bayaran yuran pelesenan teknologi (untuk syarikat hiliran sahaja) dan royalti kepada pihak Universiti.
- 225 Bahagian Komersialan Dan Harta Intelek (ICD) merupakan Sekretariat bagi pelaksanaan polisi ini. Segala permohonan berkaitan pengurusan dan pemantauan syarikat perlu melalui pihak Sekretariat.

- 226 Staf UMK yang telah mempunyai syarikat sendiri atau pegangan saham dalam sebuah syarikat boleh mendaftarkan syarikat tersebut sebagai syarikat UMK tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam polisi dan garis panduan.
- 227 Kelulusan bagi penubuhan syarikat adalah diberikan oleh pihak Universiti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- 228 Syarikat UMK perlu membuat sumbangan kepada Universiti melalui sumbangan sama ada dalam bentuk berikut:
- (i) Pelesenan harta intelek UMK (syarikat hiliran sahaja); dan
 - (ii) pemberian kos operasi fakulti; atau
 - (iii) pemberian geran kontrak; atau
 - (iv) penawaran biasiswa pascasiswazah; atau
 - (v) penggajian pasca doktorat; atau
 - (vi) pemberian ke tabung endowmen universiti ;atau
 - (vii) pemberian ke tabung waqaf universiti; atau
 - (viii) perbelanjaan kos operasi kumpulan penyelidikan
 - (ix) hadiah dan tajaan
- 229 Staf UMK yang terlibat dengan syarikat UMK diberikan kebenaran melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk menjalankan aktiviti pengkomersialan di syarikat tanpa mengganggu tugas-tugas hakiki. Segala kos adalah di bawah tanggungan syarikat masing-masing.
- 2210 Seorang staf UMK dibenarkan terlibat dengan tidak melebihi tiga (3) syarikat sahaja pada sesuatu masa.
- 2211 Status syarikat boleh ditarik balik melalui keadaan berikut:
- (i) Pelesenan IP telah tamat dan tiada tindakan untuk menyambung pelesenan IP yang baharu (untuk syarikat hiliran sahaja); atau
 - (ii) Syarikat menyalahgunakan status yang membolehkan reputasi universiti terjejas: atau
 - (iii) Staf tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang termaktub di bawah perundangan universiti dan Malaysia; atau
 - (iv) Syarikat tidak memberi sebarang sumbangan kewangan kepada universiti selama 3 tahun berturut-turut, atau
 - (v) Syarikat telah beroperasi dalam keadaan kerugian selama tiga (3) tahun berturut-turut; atau
 - (vi) Syarikat telah menjalankan aktiviti yang tidak selari dengan tujuan asal penubuhan syarikat.
 - (vii) Staf dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti.
 - (viii) Syarikat telah ditutup secara sukarela atau digulungkan melalui perintah mahkamah.
- 2212 Staf UMK boleh memohon untuk menarik balik status “syarikat hiliran dan syarikat terbitan UMK” dari syarikat yang terlibat secara sukarela dan segala ganti rugi hendaklah dinilai.
- 2213 Segala kos berkaitan penubuhan syarikat hiliran dan syarikat terbitan adalah di bawah tanggungjawab staf atau pemegang syer terbesar dalam syarikat atau mana-mana tabung melainkan peruntukan Mengurus Universiti.

3 PROSEDUR

3.1 Kerangka tugas dan Tanggungjawab pihak yang perlu melaksanakan polisi ini adalah merujuk kepada Garis Panduan Penubuhan Dan Pemantauan Syarikat Hiliran dan Syarikat Terbitan UMK.

3.1.1 Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD)

- (i) Bertanggungjawab sebagai sekretariat yang menerima permohonan penubuhan syarikat hiliran dan syarikat terbitan UMK daripada staf UMK.
- (ii) ICD akan membuat kertas kerja permohonan penubuhan syarikat UMK kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
- (iii) ICD bertanggungjawab untuk mengeluarkan surat pemakluman kelulusan dan surat pengiktirafan penubuhan syarikat UMK kepada staf UMK yang membuat permohonan tersebut berdasarkan kelulusan Mesyuarat JPU.
- (iv) ICD akan membuat pemantauan ketat ke atas perjalanan syarikat tersebut dengan mendapatkan dokumen dan laporan kewangan syarikat bagi tujuan semakan.
- (v) ICD akan membuat pelaporan pencapaian tahunan kepada Pengurusan Tertinggi UMK (Lembaga Pengarah Universiti) dan menguruskan sesi pertemuan antara syarikat dan Pengurusan Tertinggi UMK (Lembaga Pengarah Universiti).

3.1.2 Staf UMK

- (i) Membuat permohonan untuk menubuhkan syarikat UMK kepada ICD untuk dimajukan kepada Mesyuarat JPU bagi mendapat kelulusan penubuhan.
- (ii) Mematuhi segala polisi, prosedur dan garis panduan berkenaan syarikat hiliran dan terbitan UMK.
- (iii) Memberikan kerjasama kepada pihak ICD dan UMK sepanjang penglibatan dalam syarikat hiliran dan syarikat terbitan UMK.
- (iv) Tidak mengabaikan tugas hakiki staf sama ada sebagai staf akademik atau bukan akademik.

4 TADBIR URUS

4.1 TANGGUNGJAWAB

Pemilik Polisi	Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
Pengurus Polisi	Bahagian Komersial dan Harta Intelek (ICD)

4.2 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1			